

ANM(T)81/10/6/10/Jld.4/( 22 )

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Ketua Polis Negara, Bahagian Kewangan.

Pengarah Jabatanarrah Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT).

Semua Ketua Akauntan/Akauntan Kanan Jabatan Mengakaun Sendiri.

Semua Pengarah Cawangan Jabatan Akauntan Negara.

Semua Pusat Gaji.



## KERAJAAN MALAYSIA

### SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA BILANGAN 2 TAHUN 2005

(PINDAAN KEPADA SURAT PEKELILING BIL. 6 TAHUN 2004)

TARIKH PEMBAYARAN GAJI BULAN MEI TAHUN 2005

#### 1. TUJUAN

- 1.1. Tujuan Surat Pekeling ini adalah untuk memaklumkan pindaan tarikh pembayaran gaji bagi gaji bulan Mei 2005.

#### 2. SEBAB-SEBAB PINDAAN

- 2.1. Gaji Anggota Perkhidmatan Awam dibayar melalui cara berikut:-
  - a) Bayaran Gaji Melalui Sistem Gaji Berkomputer; atau
  - b) Bayaran Gaji Secara Manual.
- 2.2. Gaji Anggota Perkhidmatan Awam yang dibayar melalui Sistem Gaji Berkomputer akan diproses oleh pejabat perakaunan dan dikemukakan kepada bank untuk dikredit terus ke dalam akaun bank anggota samada secara auto (melalui katrij) atau secara manual (laporan).
- 2.3. Pihak bank pembayar gaji yang memproses gaji Anggota Perkhidmatan Awam secara auto (melalui katrij) dapat mengkreditkan gaji ke dalam akaun bank bila-bila masa termasuk cuti umum.


- 2.4. Bagi bank/institusi kewangan pembayar gaji di mana gaji Anggota Perkhidmatan Awam diproses secara manual, pihak tersebut tidak dapat membayar gaji semasa cuti umum. Bilangan Anggota Perkhidmatan Awam yang terlibat dalam cara bayaran ini adalah amat kecil berbanding dengan mereka yang dibayar gaji secara auto dan hanya melibatkan bank/institusi kewangan pembayar gaji yang kecil sahaja. Jabatan Akauntan Negara Malaysia adalah dalam proses untuk mengantikan semua bayaran secara manual dengan cara auto.
- 2.5. Anggota Perkhidmatan Awam yang dibayar melalui baucar bayaran manual akan menerima cek kerajaan bagi gaji mereka.
- 2.6. Gaji bagi bulan Mei 2005 dalam Surat Pekeliling Bilangan 6 Tahun 2004 telah ditetapkan pada 23.05.2005 yang bersamaan dengan cuti umum bagi mengantikan Hari Wesak yang jatuh pada 22.05.2005 (hari Ahad).
- 2.7. Walaupun tarikh 23.05.2005 adalah hari bekerja biasa bagi negeri Kedah, Kelantan dan Terengganu, namun ia adalah cuti umum bagi negeri-negeri lain. Bagi menyeragamkan tarikh di mana semua anggota boleh mendapat gaji mereka (samada melalui kredit ke akaun bank /cek kerajaan) maka tarikh pembayaran gaji bagi bulan Mei 2005 dipinda ke **24 Mei 2005** (Selasa) bagi semua negeri.

### 3. PENUTUP

- 3.1. Semua Kementerian/Jabatan Persekutuan hendaklah mematuhi tarikh baru bagi pembayaran gaji bulan Mei 2005.
- 3.2. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Surat Pekeliling ini dipanjangkan kepada semua Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



(Mohd. Salleh bin Mahmud)  
Akauntan Negara Malaysia.

30 April 2005

s.k.

1. Ketua Audit Negara
2. Semua Pegawai Kewangan Negeri.
3. Semua Akauntan/Bendahari Negeri.
4. Semua Pengurus Badan Berkanun.
5. Semua Pengurus Pihak Berkuasa Tempatan.